

16/10/2001

Guna psikologi (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Cara terbaik menangani keganasan ialah dengan memenangi hati dan jiwa rakyat negara yang menjadi sarang pengganas secara psikologi, bukannya memerangi negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan cara memerangi sesebuah negara untuk menghapuskan keganasan dan pengganas kerana ia tidak akan berjaya menumpaskan mereka.

"Sebaliknya, kita harus tahu kenapa mereka mengganas. Sedikit sebanyak kita perlu mencuba untuk menghapuskan sebab-sebabnya. Seperti juga di Malaysia dahulu apabila kita menghadapi pengganas, kita bukan saja perang dengan mereka, kita juga melancarkan satu serangan menawan hati dan pemikiran rakyat supaya tidak menyokong pengganas.

"Apabila mengetahui mengenai rintihan rakyat, kita mengatasinya dengan memberi atau membuat sesuatu supaya mereka tidak lagi berasa terasing," katanya dalam temu ramah khas yang disiarkan oleh TV1 jam 9 malam ini.

Beliau menyatakan demikian dalam rancangan "Khas Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan RTM malam ini. Forum itu membincangkan kesan serangan di Amerika Syarikat 11 September lalu terhadap ekonomi, politik dan keselamatan negara.

Dr Mahathir menegaskan, peradaban manusia sekarang masih lagi primitif dan sama dengan zaman batu kerana masih mengukur sesuatu kekuatan dengan kebolehan untuk membunuh lebih ramai manusia.

Katanya, ada pihak berpendapat sedemikian kerana ketika ini jika sesuatu negara mampu membunuh lebih ramai daripada negara lain, ia dianggap kuasa besar.

"Jadi kita masih primitif sebab itu kita perlu cuba membawa perubahan pemikiran seperti ini, sebaliknya negara kaya dan kuat mampu menyelamatkan lebih ramai manusia yang berada dalam keadaan amat tertekan dan miskin dengan perbelanjaan sedikit saja," katanya.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia agak mudah iaitu tidak menyetujui pengganas dan keganasan dalam apa juga perjuangan.

Walaupun, ada perjuangan untuk memerdekakan negara, ada tindakan yang dianggap sebagai ganas iaitu bukan melawan dengan pihak menindas tetapi menyebabkan kematian dan kecederaan orang yang tidak bersalah.

"Itu adalah suatu tindakan yang ganas. Dengan itu kita tentang pengganas. Tetapi di negara-negara di mana peluang untuk menukar kerajaan dibenarkan melalui sistem demokrasi seperti di Malaysia, tidak ada sebab kenapa cara lain seperti mengganas perlu digunakan," katanya.

Beliau memberikan contoh pelbagai tindakan diambil ketika negara menghadapi ancaman komunis dulu untuk menyelamatkan orang yang terdedah kepada keganasan.

Katanya, kerajaan memberi peluang kepada mereka untuk tinggal tetap di kawasan tertentu, berniaga dan bekerja. Dengan itu mereka tidak berasa tidak tertekan ataupun dipinggirkan dan mereka tidak lagi menyokong pengganas.

"Sebab itu kerajaan dapat mengalahkan pengganas, bukan semata-mata kerana tindakan ketenteraan tetapi dengan cara apa yang dikatakan winning the heart and mind of the people (memenangi hati dan jiwa rakyat) secara psikologi," katanya.

Mengenai anggapan sesetengah pihak di negara ini bahawa Osama bin Laden adalah seorang pejuang dan perjuangannya itu berupa satu jihad, Dr

Mahathir berpendapat sebaliknya.

"Kita berpendapat ini bukan satu jihad, sudah tentu ia bukan satu cara berjihad. Kita boleh berjihad dengan bermacam cara. Umpamanya kalau kita membangunkan negara kita supaya ia menjadi begitu kuat hingga tidak boleh sesiapa menekan kita, itu juga jihad.

"Membangunkan negara Islam dengan cara menguasai ilmu, itu juga jihad. Sebaliknya kalau kita perlu melawan musuh yang memusuhi kita, kita berperang dengan musuh tetapi kita tidak membunuh orang yang tak ada kena mengena dengan penindasan ke atas kita. Apa yang dilakukan ialah membunuh lebih 6,000 orang yang tidak ada kena mengena dengan penindasan.

"Mereka terdiri daripada rakyat Malaysia juga. Apa kesalahan kita yang rakyat Malaysia perlu dibunuh? Itu adalah tindakan ganas dan tidak mencerminkan jihad sebenar. Kalau jihad tak perlu membunuh, baru berjihad. Kita tak perlu mati dengan cara berperang seperti ini untuk ke syurga," katanya.

Perdana Menteri tidak melihat serangan di New York dan tindak balas Amerika Syarikat di Afghanistan sebagai perbalahan antara negara Islam dengan sistem Barat atau pertembungan tamadun.

Malah katanya, ia juga bukan peperangan terhadap umat Islam.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam mesti mencari jalan dan memperkenalkan Islam kepada bukan Islam serta memperkenalkan Islam sebagai satu agama yang bertujuan mengadakan keamanan dan bukan peperangan.

Beliau berkata, tumpuan diberikan kepada puak ekstrimis Islam yang selalu bertindak keterlaluan tanpa bertanggungjawab menyebabkan gambaran buruk diberikan terhadap umat Islam dan agama Islam.

"Apabila kita berasa kecewa kerana ini, kita juga ambil tindakan memburukkan lagi imej Islam. Kita perlu rasional termasuk dalam perkara ini juga. Kita bukan nak perang dengan orang bukan Islam. Kita tidak bersetuju dengan keganasan, walaupun dilakukan orang bukan Islam," katanya.

Beliau juga berkata, dunia sepatutnya sedar bahawa cara kekerasan bukan saja boleh digunakan oleh kuasa besar, tetapi kuasa kecil pun kini boleh berbuat demikian.

"Kita harus membuat penilaian mengenai kejayaan sesuatu negara bukan berasaskan kepada kemampuan mereka dalam bidang ketenteraan tetapi kemampuan membangunkan negara mereka tanpa menjejaskan pembangunan negara lain," katanya.

(END)